



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
الجامعة الوطنية للتعليم سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

JABATAN BENDAHARI

UPSI
No.1
PENDIDIKAN



PEMBERIAN DISKAUN YURAN PENGAJIAN SEBANYAK 20 PERATUS KEPADA SEMUA PELAJAR WARGANEGARA DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS BAGI SEMESTER 1 SESI 2021/2022

Kepada semua pelajar UPSI yang dikasihi,

Pihak Universiti telah bersetuju untuk memberikan pengurangan yuran pengajian sebanyak 20 peratus kepada semua pelajar warganegara di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) bagi Semester 1 Sesi 2021/2022 seperti yang diumumkan oleh Menteri Pengajian Tinggi, YB. Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad pada 14 September 2021.

Pengurangan yuran yang berjumlah **RM6,890,617.00** ini telah diperakukan oleh Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil.14/2021 pada 15 September 2021 dan akan dikemukakan untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pada 27 September 2021.

Pengurangan yuran sebanyak 20% ini, melibatkan **semua komponen yuran** bagi Semester 1 Sesi 2021/2022.

Selepas kelulusan Mesyuarat LPU, pihak Jabatan Bendahari akan memproses pengurangan yuran ini **melalui yuran Semester 1 Sesi 2021/2022 yang akan dicaj terus dengan kadar diskaun**. Mekanisma pelaksanaan pemberian diskaun tersebut adalah seperti berikut:-

Bil	Status Pelajar	Mekanisma
1.	Selesai membayar yuran keseluruhan	Pemulangan terus ke akaun pelajar
2.	Masih mempunyai baki yuran	Pelarasan pengurangan yuran pada semester berikutnya
3.	Ambilan / penawaran baharu	Yuran akan dicaj terus dengan kadar diskaun

Semoga pengurangan yuran ini sedikit sebanyak dapat membantu para pelajar yang dikasihi.

Sekian, terima kasih.

Jabatan Bendahari
Universiti Pendidikan Sultan Idris
18 September 2021